SAMPEL PERCUMA

Soalan PAT Bahasa Melayu Tahun 5 + Skema

Set penuh: Latihan BM Tahun 1–6

Tahun 5

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Tahun 1–3: tatabahasa ikut topik + jawapan
- Tahun 2, 4, 5, 6: himpunan modul tatabahasa dan kertas latihan
- Praktis UASA BM Tahun 4–6: 3 set + skema
- Latihan penulisan karangan

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/latihan-bahasa-melayu-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

BAHAGIAN A
[20 markah]

Soalan 1 hingga 8
*Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.*

1. Encik Fairus membeli sebuah kereta yang lebih _____ untuk keluarganya yang ramai.

   A. besar
   B. labuh
   C. lebar
   D. longgar


2. Shima _____ Syuhadah mengemas semula buku-buku yang dibaca di atas meja perpustakaan sekolah mereka.

   A. memerintah
   B. mengarah
   C. menyuruh
   D. memimpin

3. "_____" menggunakan beberapa batang buluh untuk membuat pelita buluh ini," kata Aidill dan Ridzuan kepada Khairul.

   A. Saya
   B. Mereka
   C. Kita
   D. Kami

Soalan 4 *berdasarkan gambar di bawah*.



4. Puan Hasnira tiba di rumah ketika anaknya _____ tidur.

   A. dapat
   B. sedang
   C. akan
   D. pernah

5. Banyak _____ perlu dipatuhi oleh wanita yang baru bersalin demi untuk menjaga kesihatan tubuh mereka.

A. pantang jumpa
B. pantang larang
C. pantang ajal
D. pantang undur

6. Sejak terlantar di hospital selama sebulan akibat kemalangan, badan Encik Arulkanda _____.

A. kurus macam lidi
B. kesat seperti pasir
C. keras seperti batu
D. kuat seperti badang

7. Tuanku Permaisuri berasa gundah taktala memikirkan anakanda Puteri Salbiah yang sedang _____ dan semakin susut susuk tubuhnya.

A. beradu
B. bersantap
C. gering
D. bersiram

Soalan 8 *berdasarkan gambar di bawah*.



8. Sebagai _____ di sebuah stesen radio terkenal negara, Rahim sentiasa menjaga tutur katanya agar tidak menyinggung perasaan pendengarnya.

A. jurubahasa
B. juruacara
C. jurucakap
D. juruhebah

9. Walaupun masih kecil, Wani selalu membantu ayahnya melakukan kerja-kerja berat.

Peribahasa yang sesuai untuk pernyataan di atas ialah

A. indah khabar dari rupa.
B. alah bias tegal biasa.
C. biar putih tulang jangan putih mata.
D. hidup segan mati tak mahu.

[Lihat halaman sebelah

Soalan 15 dan 16

Pilih ayat yang **betul**.

15. A. Ayah mengelap dinding menggunakan cat berwarna merah jambu.
B. Siti Nurhaliza menunggang basikal ke sekolah bersama rakannya.
C. Restoran itu menyajikan pelbagai-bagai lauk-pauk yang lazat.
D. Cikgu Wan mengucapkan tahniah kepada pasukan sekolah kerana kalah dalam perlawanan hoki.

16. A. Cik Syimasan membela empat sekawan arnab.
B. Tiga kuntum guli terjatuh ke dalam longkang.
C. Azmin membeli enam buah buku latihan di kedai buku itu.
D. Datuk Ramli membeli segulung tanah di kampung itu.

Soalan 17 hingga 20
Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada cuti semester yang lalu, Karim, Hui Fong dan Gopal pergi memancing di sebatang anak sungai. Sungai itu menjadi lokasi strategik kerana di situ terdapat banyak ikan. Mereka pergi dengan membawa joran dan umpan menuju ke sungai tersebut.

Apabila sampai di sana, perasaan hairan mula timbul dalam hati mereka. Ikan-ikan terapung di permukaan air. Hui Fong mengajak Gopal dan Karim menyiasat punca kejadian tersebut. Tiba-tiba, Gopal menarik kedua-dua orang rakannya ke dalam belukar apabila terlihat dua orang lelaki dalam keadaan yang mencurigakan.

Mereka mengintip dari celah-celah belukar dan Karim telah mencatat nombor pendaftaran lori yang membawa sisa toksik. Lebih mencurigakan apabila dua orang lelaki tadi membuang sisa toksik itu ke dalam sungai. Setelah mencatat nombor pendaftaran lori tersebut, Karim mengajak kawan-kawannya pulang.

Setibanya di rumah Karim, mereka menceritakan *peristiwa* tersebut kepada ibu dan ayah Karim. Ibu dan ayah Karim kemudiannya melaporkan perkara itu kepada pihak berkuasa.

Pihak bertanggungjawab yang melakukan semua perkara itu telah ditahan polis. Karim, Hui Fong dan Gopal telah diberi penghargaan kerana bekerjasama dengan pihak polis.

BAHAGIAN B
[30 markah]

Soalan 21

(a) *Pilih jawapan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah.*

sejak	pada	dengan	kerana
agar	serta	untuk	tetapi

Amirul murid tahun lima di Sekolah Kebangsaan Titiwangsa. Dia sentiasa berpakaian kemas dan bersih. Ravi dan Chia Lin berkawan baik (i) _____ Amirul. Mereka selalu mengulang kaji pelajaran bersama-sama (ii) _____ segala yang diajar oleh guru kekal dalam ingatan.

Mereka juga menyertai kegiatan kokurikulum (iii) _____ waktu petang. Amirul juga amat disenangi oleh kawan-kawannya (iv) _____ sikapnya yang peramah dan baik hati.

[4 markah]

(b) *Tandakan (√) di dalam petak yang disediakan bagi mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.*

(i) Puan Selvi membeli lima _____ jagung di pasar.

■ biji ( ) ■ tongkol ( ) ■ buah ( )

(ii) Mak Cik Jenab mengirim se _____ surat kepada anaknya.

■ naskhah ( ) ■ keping ( ) ■ pucuk ( )

(iii) Abang makan se _____ durian.

■ ulas ( ) ■ buah ( ) ■ batang ( )

[3 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 22

(a) *Tandakan (√) bagi ayat yang betul dan (**X**) bagi ayat yang salah.*

i. Puan Wardina mengucapkan syabas atas kesudian Mak Cik Besah berkunjung ke rumahnya. ( )

ii. Abang Zam menghulurkan segenggam surat yang diterimanya kepada ibu di dapur. ( )

iii. Zairi melaporkan kejadian penculikan kanak-kanak itu kepada Inspektor Yusof Haslim. ( )

iv. Guru Besar menyampaikan ucapan semasa perhimpunan rasmi pada pagi itu di dalam dewan sekolah. ( )

[4 markah]

(b) *Nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar dan pernyataan di bawah.*



Puan Lim mendidik anaknya supaya menabung sejak kecil kerana _____


_____

_____

[2 markah]

Soalan 24

Teliti iklan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.



PERTANDINGAN MELUKIS
BERTEMAKAN HARI KEBANGSAAN

Tarikh : 29 Ogos 2019
Masa : 8:30 pagi
Tempat : Bilik Seni Sekolah Kebangsaan Taman Putera

Terbahagi kepada dua kategori:
Murid tahap satu dan dua

Hadiah menarik menanti pemenang!

- Sediakan alat tulis masing-masing.
- Kepada murid yang berminat boleh berjumpa dengan Cikgu Suzana selewat-lewatnya sehari sebelum pertandingan.

(a) Peserta hendaklah melukis mengikut tema _____.

[1 markah]

(b) Di manakah pertandingan akan diadakan?

_____

_____

[2 markah]

(c) Pada pendapat kamu, apakah aktiviti lain yang sesuai diadakan semasa sambutan Hari Kebangsaan di sekolah?

_____

_____

_____

[3 markah]

SKEMA JAWAPAN

BAHAGIAN A

1. A
2. C
3. D
4. B
5. B
6. A
7. C
8. D
9. B
10. A
11. B
12. A
13. C
14. D
15. B
16. C
17. D
18. D
19. D
20. A

Soalan 21

(a) (i) dengan (ii) agar (iii) pada (iv) kerana

(b) (i) tongkol (ii) pucuk (iii) ulas

Soalan 22

(a) (i) X (ii) X (iii) √ (iv) √

(b) melentur buluh, biarlah daripada rebungnya.

Soalan 23

(a) Ke manakah ibu akan pergi selepas pulang dari tempat kerja?

(b) (i) Tujuan diadakan gotong-royong ini adalah untuk membasmi tempat pembiakan nyamuk aedes.

(ii) Dua cara mencegah pembiakan nyamuk aedes ialah menghapuskan tempat takungan air dan memasukkan ubat jentik-jentik di dalam air kolah serta takungan pam tandas.

[Lihat halaman sebelah

Soalan 24

(a) Hari Kebangsaan.

(b) Pertandingan akan diadakan di Bilik Seni Sekolah Kebangsaan Taman Putera.

(c) Pada pendapat saya, aktiviti lain yang sesuai diadakan sempena sambutan Hari Kebangsaan di sekolah ialah acara perbarisan, persembahan lakonan dan nyanyian lagu-lagu patriotik.

Soalan 25

(a) Lagu di atas sering dinyanyikan pada 16 Mei setiap tahun.

(b) Maksud rangkap pertama seni kata lagu di atas ialah guru-guru berjanji akan mendidik dan membimbing murid-murid di negara Malaysia.

(c) Sebagai seorang murid, saya menghargai jasa guru dengan menjadi seorang murid yang menghormati mereka, mengikut perkara baik yang diajar dan membantu mereka apabila diperlukan.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan BM Tahun 1–6

Tahun 5

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Tahun 1–3: tatabahasa ikut topik + jawapan
- Tahun 2, 4, 5, 6: himpunan modul tatabahasa dan kertas latihan
- Praktis UASA BM Tahun 4–6: 3 set + skema
- Latihan penulisan karangan

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/latihan-bahasa-melayu-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar